

Takaful

Harmoni

Pelan Simpanan Yang Memenuhi Aspirasi Anda.



Takaful

Bukan sahaja Takaful,
Etiqa Takaful

eTiQa
Takaful Keluarga

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Family Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). I Ahli PIDM

Impian Masa Hadapan Lebih Cerah

Setiap individu mempunyai impian – kereta mewah, rumah besar mahupun kehidupan yang selesa selepas bersara. Sebagai individu yang bijak, anda tahu kepentingan menyimpan untuk masa hadapan yang lebih baik. Namun, ada kalanya sesuatu yang tidak diduga berlaku dan simpanan anda perlu digunakan semasa kecemasan.

Mengikut statistik, 19 orang* dimasukkan ke hospital setiap jam; dianggarkan 1,035 orang meninggal dunia akibat kemalangan setiap tahun dan ramai yang tiada simpanan untuk kegunaan waris ataupun ahli keluarga. Berusahalah untuk masa hadapan yang lebih cerah kerana hidup ini penuh dengan ketidakpastian.

*Sumber: *World Health Organization 2004: Disease and Injury Country Estimates*

Gaya Hidup Lebih Baik dan Lindungi Masa Hadapan Keluarga Anda

Harmoni membantu anda memenuhi impian anda dan memberi perlindungan serta tabungan dengan hanya menyumbang RM70.00 sebulan. Anda juga boleh mengeluarkan sebahagian daripada wang anda dari Dana Pelaburan Peserta sekiranya perlu. Harmoni memberi ketenangan minda serta kelonggaran dalam pengurusan kewangan anda di samping Perlidungan Takaful.

Pada saat-saat yang tidak diduga, keluarga anda akan menerima kesemua Jumlah yang Dilindungi bagi meringankan beban kewangan mereka.


Dengan Harmoni, anda boleh menarik nafas lega memandangkan kewangan mereka yang anda sayangi terjamin.

Ciri-Ciri Pelan

Prinsip pelaburan anda mengikut kaedah Takaful - Pelan yang menepati Shariah di mana peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dengan membuat sumbangan secara Tabarru' (derma) ke dalam dana Takaful Keluarga. Sebagai pengurus kepada dana ini (mengikut konsep Wakalah), kami bertanggungjawab untuk memastikan ia berada di kedudukan yang baik demi pulangan dan manfaat yang berpatutan; serta membuat bayaran tepat pada masa-masa yang diperlukan oleh Peserta.

Sebagai wakil, Etiqa Family Takaful Berhad berhak menerima yuran Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Yuran ini ditanggung oleh Peserta yang ditolak daripada bayaran sumbangan. Yuran sebenar bergantung kepada tahun Sijil dan terma sumbangan yang dipilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Pemasaran untuk maklumat lanjut.

Sekiranya terdapat lebihan sumbangan yang boleh diagihkan pada akhir tahun kewangan, ia akan dikongsi 50:50 di antara Peserta dan Etiqa Family Takaful Berhad. Peserta tidak layak menerima lebihan tersebut jika sijil telah ditamatkan dan dia telah membuat tuntutan di bawah Sijil ini pada tahun kewangan berkaitan.



Ciri-Ciri Utama

| | |
|---|--|
| Had Kelayakan Umur* | Umur minima: 14 hari Umur maksima: 60 tahun |
| Had Kelayakan Umur Peserta /Pemilik Sijil* | Umur minima: 19 tahun Umur maksima: 60 tahun |
| Had Umur Matang* | Umur maksima: 88 tahun |
| Perlindungan Manfaat* | <ul style="list-style-type: none">Kematian (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 88 tahun)Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 65 tahun) |
| Jumlah yang Dilindungi | Jumlah yang Dilindungi minima: RM10,000.00 (tertakluk kepada sumbangan minima) Jumlah yang Dilindungi maksima: tertakluk kepada persetujuan |
| Sumbangan Minima | RM70.00 bulanan atau RM840.00 tahunan |
| Tempoh yang Ditawarkan | 10 tahun ke atas |
| Kaedah Pembayaran | Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan |

*Umur pada hari lahir akan datang

Lebihan (jika ada) di dalam Dana Risiko Peserta dikongsi di antara Peserta (50%) dan Etiqa Family Takaful Berhad (50%) berdasarkan kontrak Ju'alah.

Yuran Insentif daripada Keuntungan Pelaburan di dalam Dana Pelaburan Peserta dikongsi di antara Peserta (85%) dan Etiqa Family Takaful Berhad (15%) berdasarkan kontrak Mudharabah.

Tambah Nilai Pelan Anda

Sekiranya anda ingin menambah nilai Harmoni dengan lebih perlindungan dan kelonggaran, hanya pilih antara *rider* berikut:

-
- 1** *Rider Manfaat Kematian dan Hilang upaya Akibat Kemalangan*
 - 2** *Rider Penyakit Kritikal*
 - 3** *Rider Pengecualian Sumbangan bagi Penyakit Kritikal*
 - 4** *Rider Pengecualian Sumbangan bagi Kematian dan HUMK (Pembayar)*
 - 5** *Rider Manfaat Tunai Hospital*
 - 6** *Medical Plus*
 - 7** *Rider Bertempoh*
 - 8** *Rider Indemniti Kemalangan*
 - 9** *Rider Manfaat Pendapatan Keluarga*
 - 10** *Rider Tambah Nilai Tetap*
-



Nota Penting

Sekiranya Orang yang Dilindungi membunuh diri semasa waras dalam masa setahun (1) dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, Etiqa Family Takaful Berhad akan memulangkan jumlah sumbangan yang telah dibayar.

Pembayaran penuh dari Jumlah yang Dilindungi sekiranya bunuh diri dilakukan selepas 1 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula sijil.

Etiqa Family Takaful Berhad tidak akan melindungi sebarang ketidakupayaan yang disebabkan oleh peperangan, kesalahan undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau penglibatan di dalam sukan berbahaya.

Peserta akan diberi tempoh tangguh sehingga tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan perlu dibuat. Namun begitu, sekiranya sumbangan tidak dibayar selepas tempoh tangguh berakhir, Sijil akan dilanjutkan di bawah Kemudahan Sumbangan Automatik (ACF). Sijil akan ditamatkan sekiranya jumlah di dalam Dana Pelaburan Peserta digunakan sepenuhnya oleh ACF.

Sijil ini melayakkan Peserta mendapat pengecualian cukai tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Risalah ini hanya sebagai rujukan dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak atau undangan untuk mengambil bahagian. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Anda perlu memahami Pelan ini dengan baik bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda sebaik-baiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini mengikut kemampuan anda.

Pada tarikh penamatan, matang atau tamat tempoh Sijil, semua manfaat di bawah Pelan ini akan luput. Prestasi pelaburan Dana adalah berdasarkan prestasi sebenar Dana dan ianya tidak dijamin.

Semua sumbangan, (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Sijil ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, Sijil ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Sumbangan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, Sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil ini dihantar secara elektronik.

Manfaat dan/atau pulangan pelaburan di bawah Pelan ini adalah mengikut prestasi Dana dan tidak dijamin. Risiko Dana akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta dan manfaat yang dinikmati mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibuat kepada Dana Pelaburan Peserta.

Sila pastikan bahawa anda merujuk kepada Ilustrasi Pemasaran berkaitan Sijil yang disediakan untuk anda oleh Etiqa Family Takaful Berhad.



Etiqa Oneline 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

eTiqa
Takaful Keluarga